

Oleh:

KHADIJAH  
HASHIM

SHAH ALAM 13/10/75

Shah Alam — Institut Teknologi MARA tidak termasuk di bawah Akta Universiti yang telah diluluskan oleh Parlimen baru-baru ini, kata Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad.

ITM akan termasuk di bawah undang-undang Akta Pelajaran, Akta yang meliputi kolej dan institut pelajaran yang lain dari universiti, katanya.

Bagaimanapun akta tersebut tidaklah banyak perbezaan dengan Akta Universiti, terang Dr. Mahathir.

Akta Pelajaran itu sudah siap dirangka dan akan dikuatkuasakan dalam tahun ini, katanya ketika berucap di majlis suaikenal pelajar-pelajar baru ITM seramai 2,763 orang di kampus ITM, Shah Alam hari ini.

# ITM tidak termasuk di bawah Akta Universiti - Mahathir

Dr. Mahathir juga mengingatkan para pelajar supaya jangan terlalu fanatik dengan agama sehingga membiarkan diri menjadi alat kepada satu-satu golongan yang memen-

tingkan diri sendiri, atau orang-orang perseorangan yang mahu mudah terkenal.

Jika mereka terlibat kelak, hendaklah mereka balik ke pangkal jalan sebelum terlambat.

tambahnya.

Beliau menegaskan, sebagai bakal pemimpin dan eksekutif, pelajar-pelajar perlu membina watak yang baik mulai dari sekarang di samping mengisi dada dengan ilmu pengetahuan.

Pelajar-pelajar yang dapat memasuki institut ini adalah mereka yang bernasib baik. Tetapi janganlah lekas merasa kurang bernasib baik bila sudah melihat keadaan sekarang, katanya.

"Jangan lekas cuba memperbaiki keadaan orang lain sebelum memperbaiki diri sendiri" ingatkan Dr. Mahathir.

Pelajar-pelajar haruslah ingat bahawa mereka datang untuk mencari ilmu pelajaran dalam usaha memperbanyakkan lagi bilangan Bumiputera yang berkelayakan dalam bidang pengurusan bagi mencukupi keperluan negara, katanya.

ITM juga telah diamanahkan dengan tanggungjawab mengeluarkan "seberapa banyak" "Middle level Technocrats"

268  
untuk berganding bahu dengan semua golongan pekerja lain.

Ini juga tambah Dr. Mahathir satu usaha untuk mengimbangkan pekerja-pekerja terlatih antara kaum yang mana kaum Melayu masih kurang bilangannya.

Keadaan ini timbul kerana sikap penjajah dulu yang tidak berusaha memperbaiki keadaan

orang-orang Melayu, kata beliau.

Beliau menegaskan, kerajaan sanggup membelanjakan lebih kurang \$30 juta setahun untuk ITM dengan tujuan bukan sahaja menentukan supaya tiap-tiap orang warganegara diberi pelajaran tetapi juga pelajaran itu sendiri merupakan penggerak utama bagi segala usaha pembangunan negara.

"Semua perbelanjaan adalah wang rakyat, dan rakyat berhak melihat saudara-saudara membuat kemajuan yang gemilang dan tidak menghampakan hati mereka," ingatkan.